

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 18/04/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 43
Tajuk : Koperasi mampu laksana projek besar

DALAM NEGERI 43

um 18/4/2019 ms 43

Koperasi mampu laksana projek besar

TEMERLOH 17 April - Koperasi di negara ini mempunyai kemampuan melaksanakan pelbagai projek yang diberi termasuklah dalam pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melalui pembentukan konsortium.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, gabungan pelbagai koperasi berkenaan akan dapat memperkasakan lagi modal dan kepakaran koperasi dalam merebut peluang dalam pelbagai projek.

"Kalau koperasi bergerak sendiri saya lihat tidak ke mana kerana mungkin tidak mampu melaksanakan projek yang melibatkan modal dan kepakaran.

"Jadi saya menyeru koperasi supaya bergabung dengan mewujudkan konsortium yang bukan sahaja menggabungkan keahlian tetapi juga modal dan kepakaran seterusnya meningkatkan keyaki-

nan pembiaya," katanya dalam sidang akhbar sempena Persidangan Angkasa Zon 2 di Dewan Tun Razak, di sini hari ini.

Sebanyak 300 perwakilan dari daerah Temerloh, Jerantut, Bera dan Maran hadir dalam persidangan tahunan berkenaan.

Menurut Abdul Fattah, Angkasa bersedia menjadi pembimbing koperasi dalam melaksanakan pelbagai projek besar agar dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Justeru, katanya, beliau menaruh keyakinan konsortium koperasi yang mempunyai pelbagai kepakaran akan mampu melaksanakan kerja yang diberi dengan baik.

Tambahnya konsortium koperasi yang ditubuhkan pada masa ini seperti Konsortium Hartanah Negara dan Konsortium Koperasi Kariah Masjid telah menunjukkan kejayaan memberangsangkan dari semasa ke semasa.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (kanan) bersalam dengan perwakilan yang menghadiri Persidangan Angkasa Zon 2 di Temerloh, Pahang semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA